

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri setakat April 2016 serta kesan inflasi daripada pelaksanaan GST terhadap insiden kemiskinan, yang boleh menyebabkan kegagalan komitmen Kerajaan di dalam memenuhi kehendak Agenda Global 2030.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik mengenai anggaran insiden kemiskinan mengguna pakai maklumat pendapatan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai miskin sekiranya jumlah pendapatan kasar isi rumah berkenaan lebih rendah daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK).

PGK mengguna pakai kaedah "*Cost of Basic Needs*" yang mengambil kira tiga komponen asas iaitu keperluan **makanan** dan **bukan makanan** serta **ciri-ciri isi rumah** yang berkaitan iaitu saiz dan lokasi isi rumah di peringkat negeri serta strata (bandar dan luar bandar). Nilai PGK diperolehi melalui nilai kos bagi setiap item makanan dan bukan makanan yang terpilih yang diselaraskan dengan harga barangan dan perkhidmatan semasa mengikut lokaliti. Pada 2014, PGK nasional adalah RM950 sebulan berbanding RM860 sebulan pada 2012.

Penyiasatan terkini adalah bagi tahun 2014. Statistik insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri pada 2014 adalah seperti berikut:

	Peratus Isi Rumah Miskin (%)
Malaysia	<i>0.6</i>
Etnik	
Bumiputera	<i>0.8</i>
Cina	<i>0.1</i>
India	<i>0.6</i>
Lain-lain	<i>0.9</i>
Strata	
Bandar	<i>0.3</i>
Luar Bandar	<i>1.6</i>
Negeri	
Johor	<i>0.0</i>
Kedah	<i>0.3</i>

	Peratus Isi Rumah Miskin (%)
Kelantan	0.9
Melaka	0.1
Negeri Sembilan	0.4
Pahang	0.7
Pulau Pinang	0.3
Perak	0.7
Perlis	0.2
Selangor	0.2
Terengganu	0.6
Sabah	4.0
Sarawak	0.9
W.P. Kuala Lumpur	0.1
W.P. Labuan	1.1
W.P. Putrajaya	0.0

Nota: 0.0 – merujuk kepada nilai yang terlalu kecil, iaitu kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan.

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014.

Pada masa ini, Jabatan Perangkaan Malaysia dalam proses menjalankan HIS 2016/2017 dan perangkaan terbaru insiden kemiskinan dijangka akan dapat dikeluarkan pada tahun 2017. Penyiasatan ini akan dapat menilai kesan inflasi daripada pelaksanaan GST yang dilaksanakan mulai 1 April 2015 terhadap kemiskinan. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan bahawa insiden kemiskinan akan bergantung kepada tahap pendapatan isi rumah serta harga bagi barang dan perkhidmatan keperluan asas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan kesan pelaksanaan GST ke atas isi rumah miskin dan berpendapatan rendah, Kerajaan telah mengenakan kadar sifar (*zero rated*) kepada 30 jenis barang dan 19 jenis perkhidmatan.

Kadar inflasi yang dicerminkan oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 adalah 3.4% berbanding 0.7% bagi tempoh yang sama pada 2015. Walau bagaimanapun, kadar inflasi pada bulan April hingga Disember 2015 adalah 2.6% dan lebih rendah daripada tempoh yang sama tahun 2014 iaitu 3.0%. Kadar inflasi yang lebih rendah ini adalah disebabkan oleh penurunan harga minyak dalam tempoh yang sama telah dapat mengimbangi kesan keseluruhan kenaikan harga akibat pelaksanaan GST.

Namun begitu, kesan pelaksanaan GST dapat dilihat melalui peningkatan harga bagi kumpulan makanan yang merupakan komponen utama dalam bakul IHP. Harga makanan telah meningkat sebanyak 4.6% bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 berbanding hanya 2.5% bagi tempoh yang sama pada 2015. Bagi tempoh April hingga Disember 2015 pula, harga bagi kumpulan makanan telah meningkat sebanyak 3.9% berbanding 3.1% bagi tempoh yang sama pada 2014.

Bagi menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan, antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan termasuklah:

- Menambahkan bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan seperti Kedai Harga Patut, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Menu 1Malaysia dan Kedai Buku 1Malaysia;
- Membuka lebih banyak *MyFarm Outlet* dan pasar tani kekal yang beroperasi setiap hari di beberapa lokasi terpilih bagi membekal produk pertanian yang segar pada harga yang berpatutan; dan
- Menguatkuasakan lagi pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Persaingan 2010 bagi meminimumkan keuntungan yang berlebihan dan menggalakkan persaingan perniagaan yang sihat.

Sekian, terima kasih.